

NTP beri inspirasi wanita berjaya

■ SHAH ALAM 24 MEI

K ISAH kejayaan anak muda kelahiran Tawau, Sabah, Anniza Soh yang diberi kepercayaan berkhidmat dengan sebuah syarikat perkhidmatan medan minyak terbesar di dunia, Schlumberger, patut menjadi inspirasi kepada belia wanita di negara ini untuk lebih berusaha.

Anniza, 31, berkata, menerusi inisiatif Program Transformasi Negara (NTP), beliau dapat menimba pengalaman berharga dalam bidang kejuruteraan di beberapa negara seperti Qatar, Brazil dan Perancis, selepas sahaja tamat pengajian di Universiti Teknologi Petronas (UTP).

"Selepas pulang dari Schlumberger, saya bersama Talent Corp kerana ingin berkongsi pengetahuan dan pengalaman bagaimana menguruskan operasi kejuruteraan di Malaysia.

"Sektor kejuruteraan didominasi oleh lelaki tetapi saya percaya ramai wanita muda yang berbakat di Malaysia dan saya tidak malu berada dalam bidang ini kerana negara kita sangat menyokong dan saya percaya semua orang boleh berjaya di negara ini," katanya.

Kisah kejayaan Anniza antara yang menarik perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun



ROHANI ABDUL KARIM

MOHAIYANI

ANNIZA SOH

Razak semasa membentangkan Laporan Program Transformasi Negara 2016 malam tadi.

Sementara itu, Pengerusi Maybank, **Datuk Mohaiyani Shamsuddin** berkata, beliau yang dilantik sebagai wanita pertama mengutui kumpulan bank terbesar di Malaysia itu menganggap kejayaan dirinya sebagai satu kepuasan yang tidak terhingga dan sangat membanggakan.

"Saya puas dengan kejayaan yang dikehendaki dan ia boleh dijadikan satu inspirasi untuk wanita lain turut melakar kejayaan. Sebenarnya, tak ada perkara yang kita tak boleh buat, ramai wanita yang berjaya dan secara jujurnya saya tak pernah rasa ada diskriminasi kaum dalam kerja," katanya.

Mohaiyani berkata, fasiliti

yang disediakan kerajaan untuk ibu yang bekerja juga memudahkan lagi wanita untuk lebih cemerlang dalam pekerjaan.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat **Datuk Seri Rohani Abdul Karim** berkata, beliau cukup berpuas hati dengan pencapaian Program Akhir Zaman Miskin (iAzam) di bawah kementeriannya yang membawa hasil.

Jelasnya, setiap kali laporan mengenai transformasi negara dikeluarkan, jumlah rakyat yang mendapat manfaat melalui program iAzam itu terus meningkat dengan jayanya.

Beliau turut berbangga dengan pencapaian meningkatkan penglibatan dasar dan wanita yang memegang jawatan tinggi yang meningkat dengan begitu ketara. —BERNAMA